

KUIL Sri Mahamariamman merupakan salah satu destinasi yang terdapat dalam *Kuala Lumpur Heritage Walk*.



DATARAN Merdeka turut mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

# Jalan-jalan imbau sejarah KL

Oleh MARIATUL QATIAH ZAKARIA

**BAGI** mereka yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur adakah anda mengetahui sejarahnya sebelum ia menjadi ibu negara Malaysia?

Jika tidak, apa kata anda menyertai pelancongan jalan kaki selama tiga setengah jam yang dianjurkan oleh Central Market dengan sokongan Majlis Pemandu Pelancong Malaysia.

Diadakan setiap Sabtu dan Ahad, *Kuala Lumpur Heritage Walk* pastinya tidak menghampakan anda.

Perjalanan tersebut yang bermula di Central Market seawal pukul 8.30 pagi akan membawa anda berjalan sekitar Kuala Lumpur melalui Dataran Merdeka, Masjid Jamek, Market Square, Tokong

Sze Ya dan Kuil Sri Mahamariamman.

Jika dilihat tempat-tempat yang dilawati pastinya anda tertanya-tanya kenapa ia memerlukan masa yang lama.

Ini kerana di setiap tempat yang dilawati, anda akan diberikan penerangan mengenai sejarahnya.

Pengalaman penulis ketika dibawa mengikut jelajah tempat-tempat tersebut pada awalnya membuatkan penulis berfikir apa yang hendak ditunjukkan kerana selama ini sudah mengetahui tempat-tempat tersebut.

Tetapi sangkaan penulis meleset sama sekali kerana penjelajahan tersebut ternyata memberikan pengetahuan sejarah kepada penulis yang selama ini tidak mengetahuinya.

Penjelajahan tersebut bertambah

UM-17/3/2007

menarik kerana kumpulan seramai 12 orang yang turut disertai penulis turut diceritakan oleh pemandu pelancong, Azmi Abdul Aziz.

Dia bukan sahaja menjadikan penjelajahan tersebut satu penjelajahan yang penuh dengan ilmu pengetahuan malah caranya berinteraksi dengan setiap ahli kumpulan serta cara penyampaiannya membuatkan segala sejarah yang diceritakannya melekat di kepala.

Penjelajahan ini amat berfaedah kepada remaja-remaja hari ini kerana sejarah di sebalik pembangunannya sukar diperoleh selain cerita-cerita sampingan yang pastinya membuatkan anda berfikir, 'Ooo...begitu rupanya'.

Di sini penulis ingin menyarankan


kepada remaja di luar sana agar mengikuti jelajah ini kerana ia amat berguna selain secara tidak langsung anda dapat memperoleh ilmu sejarah yang selama ini tidak diketahui ramai.

Bagi penulis kini, tempat-tempat yang dilawati melalui penjelajahan tersebut yang selama ini dipandang biasa sahaja rupanya mempunyai sejarah tersendiri dan bermotif.

Jadi bagi mereka yang ingin mengikuti jelajah tersebut bolehlah mengunjungi Central Market atau bagi remaja-remaja yang ingin bergerak secara kumpulan mereka juga boleh menghubungi Pegawai Jabatan Belia dan Sukan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Siti Ilham di talian 016-2731815 untuk maklumat lanjut.



AZMI Abdul Aziz, celotehnya memikat hati setiap ahli kumpulan yang mengikuti *Kuala Lumpur Heritage Walk*.



TOKONG Sze Ya, tokong yang dahulunya dibina hanya untuk orang-orang tertentu sahaja.